

15 MAY 2000

DR MAHATHIR LANCAR PERAYAAN HARI GURU ESOK

IPOH, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan sambutan Perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di Dewan Bangkuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini esok.

Menurut atur cara majlis yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan, Dr Mahathir dijadual tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh pada pukul 9.30 pagi.

Beliau kemudiannya akan memeriksa perbarisan pasukan kadet tentera SMK Anderson, Ipoh, diikuti ucapan, menandatangani replika berbentuk buku yang merupakan pelancaran majlis itu, upacara mengibarkan bendera Hari Guru, pembacaan ikrar dan nyanyian lagu "Guru Malaysia" oleh kumpulan koir guru Perak.

Dr Mahathir akan menyampaikan Anugerah Tokoh Guru peringkat kebangsaan kepada lima orang penerima.

Di samping itu, beliau akan juga menyampaikan hadiah dan anugerah kepada pemenang peraduan menulis karya kreatif, pertandingan bahas (guru), anugerah guru cemerlang pendidikan khas, anugerah guru inovatif dan johan sekolah harapan negara.

-- BERNAMA

PBA AKD